

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	27 October 2015

GST terbukti penyelamat ekonomi Malaysia - Najib

um-27/10/2015

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) terbukti menjadi penyelamat ekonomi Malaysia walaupun didakwa menyusahkan rakyat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, hasil kutipan GST dapat menampung kekurangan hasil kerajaan khususnya akibat kejatuhan harga minyak mentah dunia.

"Senario ini (kejatuhan harga minyak) di luar kawalan kita tetapi syukurlah kita dapat menampung kekurangan hasil kerajaan kerana kita berani memperkenalkan GST.

"Walaupun orang kata kerajaan tak patut laksanakan GST atau menyusahkan rakyat tetapi hakikatnya GST adalah penyelamat kepada ekonomi negara kita," katanya ketika membuka pusat membeli belah Nu Sentral dan Menara 1 Sentrum milik Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) di sini hari ini.

Beliau berkata, jika ekonomi Malaysia merudum kesannya termasuk kadar pinjaman akan menjadi lebih tinggi sekali gus menyebabkan rakyat menanggung kesusahan.

Najib berkata, walaupun tindakan yang diambil kerajaan tidak



Walaupun orang kata kerajaan tak patut laksanakan GST atau menyusahkan rakyat tetapi hakikatnya GST adalah penyelamat kepada ekonomi negara kita."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

bersifat populis namun ia dibuat demi tanggungjawab menjaga kepentingan rakyat dan negara.

Peraana Menteri berkata, melalui Bajet 2016, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu rakyat termasuk anak-anak yang menyara ibu bapa diberi pelepasan cukai terkumpul sebanyak RM1,500, masing-masing untuk ibu dan bapa.

"Ini sekali gus dapat menggal-

akkan sifat penyayang kepada ibu bapa dan bukanlah meninggalkan mereka di rumah warga tua," katanya.

Dalam pada itu, Najib berkata, PHB telah mencapai kejayaan dalam membangunkan ekonomi Bumiputera sejak beroperasi pada 2007.

Beliau berkata, kewujudan pusat membeli belah Nu Sentral dan bangunan pejabat Menara 1 Sentrum membolehkan usahawan Bumiputera berkongsi limpahan rahmat pembangunan negara.

"Kedudukan pusat membeli belah ini yang bersebelahan dengan KL Sentral amat strategik kerana beribu-ribu pengguna menggunakan hub pengangkutan ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan melalui PHB juga akan melancarkan unit-unit amanah dari semasa ke semasa bagi memberi peluang kepada Bumiputera melabur dalam sektor hartanah.

Terdahulu, Najib meluangkan masa beramah mesra deng&n penyewa di Nu Sentral serta sempat membeli sepasang kasut sukan.

- BERNAMA